



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (1)04/C/PD/656/4 Jil. 7

11 Ogos 2026

Pk (EL) MPOB 01/2026

Semua Pemegang Lesen Kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS)

Tuan,

**PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG
LESEN DALAM KATEGORI PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS): MANDATORI
UJIAN DNA SHELL TANDAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.


2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-135 yang telah diadakan pada 17 Disember 2024 telah meluluskan dan bersetuju menguatkuasakan tambahan syarat lesen mandatori Ujian DNA SHELL Tandan kepada pemegang lesen kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS).
3. Sehubungan dengan itu, Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2026 [Pk (EL) MPOB 01/2026] mulai 1 Oktober 2026**.
4. Dalam hal ini, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen, Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi mengelak tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
Ketua Pengarah

s.k.

- i) Pengerusi MPOB
- ii) Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPK
- iii) Setiausaha Malaysian Oil Palm Nurseries Association (MOPNA)
- iv) Setiausaha Pertubuhan Pengeluar Benih Sawit Malaysia (MOPSPA)
- v) Setiausaha National Association of Smallholders Malaysia (NASH)



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602





**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 01/2026

Tarikh Kuatkuasa : 1 Oktober 2026

Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS): MANDATORI UJIAN DNA SHELL TANDAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Untuk memaklumkan penguatkuasaan tambahan syarat lesen mandatori Ujian DNA SHELL Tandan kepada pemegang lesen dalam kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 *Tenera* (DxP) merupakan baka sawit komersial utama di Malaysia. Walau bagaimanapun, isu kontaminasi benih bukan *tenera* telah dikenal pasti sebagai satu masalah serius dalam rantaian bekalan bahan tanaman kelapa sawit negara. Kajian yang dijalankan oleh MPOB mendapati kadar kontaminasi melebihi had maksimum 5% yang telah ditetapkan di dalam piawaian MS157:2017.
- 2.2 Kajian juga membuktikan bahawa sekurang-kurangnya 10% tandan yang dihasilkan sebagai sumber benih kelapa sawit mempunyai tahap kontaminasi yang melebihi piawaian tersebut.
- 2.3 Kontaminasi dari peringkat awal proses pengeluaran biji benih ini telah menyebabkan penyusupan baka berkualiti rendah ke tapak semaian dan ladang sawit, terutamanya dalam kalangan pekebun kecil yang mengakibatkan pengurangan ketara dalam hasil buah kelapa sawit. Berdasarkan model ekonomi MPOB, senario ini boleh mengakibatkan kerugian sekitar RM4.1 bilion sehingga RM8.6 bilion kepada industri kelapa sawit, lantas menjejaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM5.4 bilion hingga RM11.5 bilion berserta kehilangan perolehan cukai kepada Kerajaan.
- 2.4 Sebagai jalan penyelesaian, MPOB telah membangunkan teknologi Ujian Diagnostik DNA SHELL yang terbukti berkualiti tinggi dan berupaya mengesan kontaminasi benih bukan *tenera* dengan tepat bagi memastikan pematuhan piawaian MS157:2017. Pelaksanaan peraturan untuk menjamin kualiti benih kelapa sawit ini telah mendapat persetujuan



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

daripada Mesyuarat Lembaga MPOB ke-135 serta mengambil kira maklum balas daripada sesi konsultasi dan libat urus bersama pemegang lesen, termasuk pemegang taruh seperti MOPSPA, MOPNA dan NASH. Langkah ini diambil bagi memastikan kelestarian industri kelapa sawit negara serta meningkatkan pendapatan pengeluar dan pekebun kecil.

- 2.5 Kesinambungan daripada itu dan bagi memastikan keseluruhan rantai pengeluaran produk kelapa sawit memenuhi kehendak kemampanan, tiga (3) sesi konsultasi bersama industri telah diadakan pada 13 Februari 2025, 10 November 2025 dan 8 Julai 2026. Hasil daripada konsultasi tersebut, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa tambahan syarat lesen mandatori Ujian DNA SHELL Tandan kepada pemegang lesen dalam kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS) perlu dilaksanakan. Pihak industri juga menyokong hasrat Kerajaan untuk kebaikan industri kelapa sawit negara bagi jangka masa panjang dan memberi impak yang maksima.

3.0 PENGUATKUASAAN KRITERIA DAN SYARAT LESEN

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan tambahan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi pemegang lesen kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS):

Tambahan syarat lesen:

“Pemegang lesen kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS) dikehendaki menjalankan pengambilan sampel mandatori bagi pengujian menggunakan teknologi diagnostik DNA SHELL Tandan dan mematuhi apa-apa prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga.”

- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 (Peraturan Pelesenan) memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar apa-apa syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2026 [Pk (EL) MPOB 01/2026] adalah terpakai kepada semua pemegang lesen kategori Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS).



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2026**.

6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN

DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: 11 Ogos 2026